

Kuala Lumpur: "Ibu umpama 'kaki' saya kerana dialah yang membantu menolak kerusi roda untuk bergerak ke dewan kuliah dan dewan peperiksaan sepanjang 15 tahun pengajian," ujar Siti Hawa Apandi, 34.

Siti Hawa menghidap penyakit atrofi otot spina (SMA) jenis dua kini melanjutkan pengajian peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang *soft computing and intelligent system* di **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**.

Bahkan, ibunya Zaidah Tamjis, 60, turut menjadi peneman setia ketika kuliah, peperiksaan dan pembentangan tugasan, sejak dia mengikuti pengajian peringkat diploma hingga PhD.

Siti Hawa berkata, jasa dan pengorbanan ibunya sangat besar dan tak ternilai.

"Tanpa sokongan itu mungkin saya tidak mempunyai kekuatan untuk melanjutkan pengajian pada peringkat tertinggi.

"Saya berazam mahu de-

'Ibu jadi 'kaki' saya sepanjang 15 tahun pengajian'

Ihram Maja (leka) 24/5/23

dikasikan kejayaan ini kepada ibu sebagai membalas perit jerih pengorbanannya membantu menolak kerusi selama hampir 15 tahun melanjutkan pengajian di menara gading.

"Ibu juga sanggup menginap bersama saya di kampus ketika pengajian peringkat diploma dan ijazah sarjana muda demi memastikan keperluan saya sempurna.

"Penyakit ini menyebabkan saya hilang upaya kekal dan perlu diuruskan sepenuhnya seperti kanak-kanak," katanya yang tidak pernah mengambil sebarang ubat bagi menangani penyakit dihidapinya.

Katanya, ada ketika timbul perasaan sangat sedih melihat ibunya yang semakin meningkat usia, terpaksa mengerah kudrat untuk menolak kerusi roda



Tanpa sokongan itu mungkin saya tidak mempunyai kekuatan untuk melanjutkan pengajian pada peringkat tertinggi"

Siti Hawa

dinaikinya.

"Ada masanya ibu terpaksa melalui laluan berbukit ketika menolak kerusi roda saya. Sepatutnya saya yang menolak kerusi roda ibu, tetapi situasi adalah sebaliknya.

"Saya didiagnosis menghidap SMA jenis dua pada usia dua tahun, selepas abang sulung disahkan menghidap penyakit sama

pada usia tujuh tahun.

"Namun umur abang tidak panjang dan Allahyarham meninggal dunia tahun 2002 ketika berusia 17 tahun," katanya.

Siti Hawa berkata, keupayaan fizikalnya semakin merosot dan sudah tidak mampu mengangkat objek ringan termasuk sudu.

"Jika kepala terlentuk, perlukan bantuan orang lain untuk membetulkan semula kedudukannya.

"Namun begitu, saya sangat bersyukur jari kedua tangan masih boleh berfungsi untuk menaip komputer riba, walaupun mudah berasa lenguh apabila lama menaip.

"Saya berharap jari ini boleh terus berfungsi supaya dapat menyiapkan tesis, kajian penyelidikan dan seterusnya bergraduasi," katanya.

Selain itu Siti Hawa berkata, dia juga aktif menyertai kumpulan sokongan Spinal Muscular Atrophy Malaysia (SMAM) untuk berkongsi pengalaman atau masalah kesihatan ahli lain.

ZAIDAH menjadi peneman setia Siti Hawa ketika kuliah, peperiksaan dan pembentangan tugasan.

